

13 NOV 1999
Ling-Kerusi
MCA DAN GERAKAN

MELAKA, 13 Nov (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata parti itu mungkin bertukar kira-kira 10 peratus daripada kerusinya dengan Gerakan pada pilihan raya umum 29 Nov ini.

Beliau berkata ini akan dilakukan jika dapat meningkatkan peluang bagi MCA atau Gerakan menang.

"Prinsip (pertukaran kerusi) ialah untuk memastikan kemenangan Barisan Nasional (BN)...oleh itu parti dan calon yang sesuai harus diletakkan untuk memastikan kemenangan," kata beliau kepada pemberita selepas melawat ibu pejabat MCA negeri di sini hari ini.

Dr Ling berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi BN telah membayangkan kemungkinan mengenai pertukaran kerusi tetapi nisbah kerusi tetap sama.

Beliau berkata semua parti komponen BN bersetuju terhadap cadangan itu dan keputusan muktamad akan dibuat oleh Dr Mahathir.

Beliau berkata pertukaran itu akan dilakukan terutama di Wilayah Persekutuan.

Dr Ling berkata senarai calon MCA akan diumumkan selepas diluluskan oleh Dr Mahathir dalam masa sehari atau dua.

Ketika ditanya mengenai peluang MCA di Kota Melaka, beliau berkata rakyat sudah bosan dengan sikap DAP yang hanya bercakap tetapi tiada tindakan.

DAP menguasai kerusi parlimen Kota Melaka sejak 30 tahun lalu.

-- BERNAMA

MOZ FAZ